

## Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia

HAIRUNNIZAM WAHID

SANEP AHMAD

MOHD ALI MOHD NOOR

### Abstrak

*Zakat pendapatan bermaksud zakat yang dikenakan ke atas perolehan yang merangkumi pendapatan gaji dan pendapatan bebas. Di Malaysia, Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan bahawa zakat pendapatan adalah wajib dibayar oleh setiap individu Muslim. Persoalannya, kenapa masih terdapat ramai umat Islam yang belum melaksanakan tuntutan ini? Apakah faktor yang menentukannya dan apakah langkah yang patut diambil berat oleh pihak institusi zakat untuk meningkatkan kesedaran ini? Justeru itu, dengan menggunakan data primer, kajian ini menguji kesedaran membayar zakat pendapatan di negara ini. Analisis regresi logistik digunakan untuk mengenal pasti pembolehubah yang signifikan sebagai faktor yang mempengaruhi kesedaran membayar zakat pendapatan. Hasil kajian telah mendapati faktor demografi seperti umur, taraf perkahwinan dan pendapatan adalah signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan di samping mekanisme pembayaran zakat pendapatan melalui potongan gaji. Beberapa implikasi dasar juga dicadangkan kepada institusi zakat bagi memperbaiki prestasi kutipan zakat pendapatan di Malaysia.*

### The Awareness of Paying the Islamic Alms Tax on Income

### Abstract

*In Malaysia, the National Fatwa Council has decreed that it is compulsory upon the Muslims in Malaysia to pay the Islamic alms tax from their incomes. This study attempts to evaluate the awareness of paying the Islamic alms tax on income among Muslims in Malaysia, and it further identifies the factors influencing their awareness. The premier data are gathered and utilized for this study. The data are analyzed using logistic regression technique. The result shows that the awareness of paying the Islamic alms tax among the Muslims on their incomes is still low, and the demographic factors such as age, sexes, marital status, education level and income level as well as the mechanism employed to collect the Islamic alms tax significantly influence the payment of the Islamic alms tax on income. This study proposes some policy implications for improving the collection of the Islamic alms tax on income in Malaysia such as increasing awareness program and employer's cooperation.*

## PENGENALAN

Kewajipan zakat kepada individu Muslim adalah sama seperti mana kefarduan solat untuk menjadi seorang Islam yang sempurna. Ia mempunyai kedudukan yang sangat tinggi dalam Islam dan sering digandingkan perkataannya dengan solat di dalam Al-Quran. Zakat wajib dikeluarkan ke atas beberapa jenis harta yang telah ditetapkan setelah memenuhi syarat dan tempoh tertentu. Kewajipannya mempunyai pelbagai objektif sosio-ekonomi yang positif bukan sahaja kepada penerima zakat bahkan kepada pembayar zakat dan masyarakat keseluruhannya. Secara umumnya zakat dapat mengukuhkan sistem jaminan sosial dan ia merupakan langkah awal yang sepatutnya ditanganai dengan baik untuk menuju satu sistem ekonomi Islam yang sempurna.

Perintah ketaatan untuk membayar zakat adalah jelas sehingga terdapat perintah dalam Al-Quran untuk kerajaan Islam atau institusi zakat mengambilnya secara paksa bagi mereka yang enggan melaksanakannya. Allah swt berfirman dalam Al-Quran (AT-Taubah 9:103) yang bermaksud “Ambillah daripada harta mereka sadaqah (zakat) untuk membersihkan dan menyucikan mereka dengannya”. Sebarang harta yang dinyatakan secara jelas tentang wajib zakat melalui hadis nabi saw adalah wajib ditaati tanpa sebarang alasan. Mengingkari kewajipan zakat adalah kafir. Pemerintah dibolehkan memaksa dan memerangi golongan yang ingkar membayar zakat sebagaimana berlaku di zaman khalifah Abu Bakar r.a. Perintah sedemikian adalah jelas kepada jenis harta yang telah disepakati (*ik'tifak*) seperti zakat kepada hasil tanaman iaitu gandum, barli dan kurma, zakat ternakan iaitu unta, lembu dan kambing serta zakat galian emas dan perak. Perintah zakat kepada harta yang tidak disepakati walaupun terdapat sedikit perbezaan. Harta daripada kategori ini dikenali sebagai harta ikhtilaf kerana terdapat sebahagian ulama' yang mewajibkannya manakala sebahagian yang lain tidak. Oleh itu perintah ketaatan untuk membayar zakat bagi harta jenis ini berbeza mengikut keadaan semasa, kefahaman individu dan persekitarannya (fatwa). Harta dalam kategori ini adalah seperti pendapatan hasil gaji, hasil tanaman bukan ruji seperti kapas, halia dan kunyit atau pun hasil galian seperti berlian, mutiara dan petrol. Perbezaan ulama' tentang kewajipan zakat bagi harta di atas menimbulkan kewujudan perbezaan ketaatan di kalangan masyarakat Islam.

D1 Malaysia, zakat ke atas pendapatan hasil penggajian adalah wajib seperti yang telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan

tahun 1997. Walaupun begitu hanya negeri Perak sahaja telah mewartakan bahawa zakat pendapatan hasil penggajian adalah tidak wajib diambil sejak tahun 2004. Sumbangan kutipan zakat pendapatan (terkecuali negeri Perak) kepada jumlah keseluruhan zakat di Malaysia adalah masih tinggi iaitu sekitar 40% ke 60% setahun. Kutipan zakat yang tinggi akan cuba memastikan aspek jaminan sosial umat Islam dapat dipertingkatkan. Oleh kerana kewajipan melaksanakan zakat ini dari sudut fiqh masih diikhtilaf ulama' maka sudah tentu terdapat respon, persepsi dan reaksi berbeza di kalangan masyarakat berhubung ketaatan untuk membayarnya. Kajian ini cuba menyelidiki kesedaran dan kesediaan masyarakat untuk membayar zakat pendapatan dan akhirnya mencadangkan beberapa implikasi dasar untuk meningkatkan kesedaran tersebut.

#### PERKEMBANGAN ZAKAT PENDAPATAN DI MALAYSIA

Dalam Malaysia, hasil kutipan zakat telah mengalami peningkatan yang drastik dari tahun ke tahun akibat kesedaran umat Islam menunaikan zakat. Sebagai contoh, jumlah kutipan zakat adalah RM258.7 juta tahun 2000 telah meningkat kepada RM408.43 juta tahun 2003, iaitu peningkatan sebanyak 57.9%. Peratus peningkatan yang besar ini adalah paling tinggi disumbang oleh zakat pendapatan berbanding sumber kutipan zakat yang lain. Zakat pendapatan dilihat sebagai sumber baru yang sangat baik untuk dibangunkan dengan jumlah pembayar yang ramai di setiap negeri. Sumber pendapatan bermaksud perolehan yang merangkumi pendapatan gaji dan pendapatan bebas seperti pendapatan ahli profesional. Walau bagaimanapun perolehan hasil harta yang tidak mempunyai struktur zakatnya tersendiri dan sumbangan daripada mana-mana pihak juga adalah termasuk dalam skop ini. Kesemua sumber pendapatan ini dibincangkan bersama kerana persamaan asasnya yang menentukan hukum adalah sama. Pengertian gaji ialah pendapatan pengajian seseorang yang merupakan ganjaran perkhidmatannya dengan sesebuah majikan, orang perseorangan, syarikat atau institusi seperti gaji tahunan, tunggakan gaji, pelbagai eluan (kenderaan, makan, mesyuarat) dan lain-lain termasuk bonus atau sesuatu yang boleh dikira sebagai pendapatan yang berkaitan dengan penggajian. Manakala pendapatan bebas ialah pendapatan seseorang melalui sesuatu kerja atau usaha kepakaran atau perkhidmatan yang merupakan ganjaran daripada khidmatnya seperti

khidmat guaman, khidmat nasihat, juru perunding, rawatan perubatan, kejuruteraan dan lain-lain.

Prestasi kutipan zakat pendapatan di Malaysia adalah amat menggalakkan seperti dalam JADUAL 1. Jumlah kutipan zakat pendapatan yang tertinggi bagi tahun 2004 adalah Wilayah Persekutuan dengan kutipan sebanyak RM63.74 juta diikuti oleh negeri Selangor dan Terengganu masing-masing sebanyak RM52.05 juta dan RM13.55 juta. Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, zakat pendapatan merupakan penyumbang hasil zakat yang tertinggi iaitu sebanyak 59.71% daripada keseluruhan kutipan zakat diikuti Selangor dan Terengganu masing-masing sebanyak 52.51% dan 38.74%. Bagi negeri Pulau Pinang, sumbangan zakat pendapatan kepada keseluruhan kutipan zakat adalah kedua tertinggi iaitu sebanyak 59.64% walaupun sebenarnya jumlah kutipan zakat pendapatan negeri tersebut adalah kecil iaitu sebanyak RM12.46 juta pada tahun 2004.

**JADUAL 1. Kutipan Zakat Pendapatan Di Negeri Terpilih di Malaysia  
Tahun 2000-2005 (RM Juta)**

Negeri	Tahun						
	2000	2001	2002	2003	2004	2005 <sup>1</sup>	2000-2005 <sup>2</sup>
Selangor <sup>4</sup>	8.43 (26.93)	19.73 (32.12)	29.63 (42.37)	39.59 (50.81)	52.05 (52.51)	14.95 (51.83)	42.76 %
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur <sup>4</sup>	18.5 (32.86)	33.2 (47.23)	42.9 (53.29)	54.16 (58.30)	63.74 (59.71)	20.38 (64.68)	52.68%
Kelantan	3.14 (29.96)	2.92 (27.70)	3.49 (29.08)	4.69 (33.03)	7.05 (38.74)	2.07 (44.61)	33.85%
Terengganu	1.97 (9.49)	6.08 (21.52)	10.13 (30.73)	14.37 (35.87)	13.55 (37.15)	4.41 (43.75)	26.95%
Negeri Sembilan <sup>4</sup>	1.72 (19.88)	3.43 (31.88)	4.37 (34.66)	5.59 (39.90)	6.26 (37.94)	2.33 (38.45)	33.78%
Melaka <sup>4</sup>	2.49 (29.54)	3.19 (26.46)	3.94 (31.93)	4.72 (42.23)	5.32 (37.36)	1.90 (33.69)	33.54%
Pahang <sup>4</sup>	3.03 (28.42)	5.02 (39.72)	5.97 (40.97)	7.25 (43.47)	8.52 (45.10)	2.19 (35.73)	38.90%
Sabah	t.d	0.16 (3.0)	0.27 (4.21)	0.60 (9.10)	0.76 (9.76)	0.26 (15.57)	8.33%
Johor <sup>3</sup>	-	-	-	-	0.83 (2.76)	1.61 (11.95)	7.36%
Kedah	t.d	t.d	1.65 (9.13)	3.14 (17.14)	5.52 t.d	3.13 (27.02)	17.76%
Pulau Pinang <sup>4</sup>	5.88 (46.30)	8.21 (53.38)	9.65 (53.94)	11.18 (58.63)	12.46 (59.64)	3.73 (57.92)	54.97%

Nota: ( ) Angka dalam kurungan adalah peratus kutipan zakat pendapatan kepada kutipan zakat keseluruhan setiap negeri

<sup>1</sup> data sehingga bulan April/Mei/Jun 2005

<sup>2</sup> purata sumbangan zakat pendapatan terhadap keseluruhan jumlah kutipan keseluruhan zakat negeri

<sup>3</sup> negeri Johor melancarkan kutipan zakat pendapatan bermula pada 14 Oktober 2004

<sup>4</sup> negeri-negeri yang telah menswastakan kutipan zakat

t.d : tiada data

Daripada jadual tersebut juga jelas menunjukkan sumbangan kutipan zakat pendapatan kepada keseluruhan zakat sepanjang tahun 2000 hingga 2005 secara puratanya menyumbangkan kutipan yang besar berbanding kutipan zakat harta yang lain iaitu di antara 30%

hingga 50%. Terkecuali negeri Sabah dan Johor, kutipan kesemua negeri adalah amat tinggi. Di negeri Johor, jumlah kutipan adalah kecil kerana jawatankuasa fatwa negeri Johor baru melaksanakan kutipan zakat pendapatan iaitu pada bulan Oktober 2004. Daripada JADUAL 1 juga, negeri-negeri yang telah menswastakan kutipan zakat telah mengalami kutipan zakat pendapatan yang tinggi berbanding negeri yang tidak menswastakan kutipan zakat. Negeri-negeri tersebut ialah Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang. Ini sedikit sebanyak menunjukkan keberkesanan penswastaan kutipan zakat dalam meningkatkan jumlah kutipan zakat oleh Majlis Agama Islam negeri.

Ringkasnya dari JADUAL 1, berdasarkan kebanyakan negeri di Malaysia, sumbangan zakat pendapatan dilihat amat berpotensi meningkatkan jumlah kutipan zakat di setiap negeri bagi memastikan pengagihan zakat mampu berjalan dengan lebih teratur untuk menjamin keadilan sosial masyarakat.

Walau bagaimanapun masih terdapat masalah yang timbul berkaitan zakat pendapatan adalah berkenaan zakat ke atas harta yang tidak disepakati ulama' di atas kewajipannya. Seperti yang telah sedia difahami, perintah wajib membayar zakat adalah jelas kepada jenis harta yang disepakati seperti hasil tanaman iaitu gandum, barli dan kurma, zakat ternakan iaitu unta, lembu dan kambing serta zakat galian iaitu emas dan perak. Harta ini disebut sebagai harta yang telah disepakati (*jumhur ulama*) akan kewajipan untuk dizakat setelah cukup nisabnya.. Keadaan agak berbeza dengan harta yang tidak disepakati wajib zakat. Harta jenis tersebut dikenali sebagai harta yang di ikhtilaf wajib zakat kerana sebahagian ulama' mewajibkannya manakala sebahagian ulama' yang lain tidak mewajibkannya. Oleh itu ketaatan untuk membayar zakat bagi harta sebegini berbeza mengikut individu dan persekitaran fatwa yang ujud. Harta dalam kategori ini adalah seperti pendapatan gaji, hasil tanaman bukan asasi seperti kapas, halia dan kunyit atau pun hasil galian seperti berlian, mutiara dan petrol. Perbezaan ulama' tentang kewajipan zakat bagi harta tersebut menimbulkan kewujudan perbezaan ketaatan membayar zakat tersebut di kalangan masyarakat. Justeru itu, kajian ini akan menyelidiki bagaimana persepsi masyarakat terhadap langkah mewajibkan zakat pendapatan serta menganalisis bagaimana gelagat kepatuhan masyarakat terhadap langkah tersebut

### KAJIAN LEPAS

Pendapatan gaji atau sebarang perolehan dalam bentuk wang boleh dikategorikan di dalam kelompok pendapatan *mal al-mustafad* iaitu merangkumi sebarang perolehan yang dihasilkan melalui apa sahaja cara yang halal. Ia biasanya diterima dalam bentuk wang dan bagi seorang individu perolehan ini mungkin berpunca daripada berbagai sumber yang berbeza. Terdapat pandangan ulama yang berbeza tentang kewajipan zakat ke atas hartal *al-mustafad*. Sebahagian fuqaha' mengatakan tidak wajib zakat manakala sebahagian pula mengatakan wajib zakat. Pendapat yang mengatakan tidak wajib zakat bagi harta *al-mustafad* ialah pendapat para sahabat seperti Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali *r.a.* Begitu juga dengan pandangan imam mazhab Hanafi, Maliki dan Syafie. Zakat hanya dikenakan setelah memenuhi syarat haul sama ada pada dirinya atau setelah dicampurkan dengan harta asal yang telah sedia dimiliki. Ulama' pada masa kini yang berpendirian sedemikian ialah Syauqi Ismail Syahatah yang menegaskan bahawa zakat mal *al-mustafad* tertakluk kepada syarat haul seperti mana haul bagi zakat perniagaan dan sebagainya.

Terdapat juga golongan yang menyatakan wajib zakat bagi *mal al-mustafad* tanpa syarat haul. Zakat perlu dibayar sebaik sahaja diterima. Golongan sahabat yang mewajibkan zakat ke atas *harta al-mustafad* tanpa dikenakan syarat haul ialah Ibnu Abbas, Ibnu Mas'ud dan Muawiah, manakala daripada golongan tabiin pula ialah Umar Abd Aziz, al-Hassan dan Ibnu Hazm. Di kalangan imam mazhab yang empat, golongan mazhab Ahmad Ibn Hanbal menyatakan tidak perlu syarat haul bagi zakat *harta al-mustafad*. Oleh itu pada umumnya zakat jenis ini akan dikenakan sebaik sahaja ia diterima. Ulama' masa kini yang sepandapat dengan pandangan ini ialah imam Yusof al-Qardawi.

Mujaini Tarimin (1995) telah membuat kesimpulan bahawa terdapat tiga pandangan umum tentang kewajipan zakat pendapatan gaji. Pandangan tersebut ialah pertama: Golongan yang berpendapat bahawa tidak ada dalil wajib zakat bagi pendapatan gaji. Oleh itu zakat pendapatan adalah tidak wajib, namun demikian masyarakat Islam adalah digalakkan membayarnya. Kedua: Golongan yang berpandangan bahawa walaupun tidak terdapat dalil wajib zakat bagi pendapatan gaji namun ia menjadi wajib atas alasan maslahah (kebijakan) ummah. Pembayarannya akan menambahkan kutipan zakat dan seterusnya bermanfaat kepada umat Islam. Ketiga: Golongan yang berpandangan bahawa pendapatan gaji adalah wajib zakat atas alasan

dalil al-Quran dan as-Sunnah. Walaupun perkataan yang digunakan di dalam al-Quran dan as-Sunnah tidak menyatakan secara tepat perkataan gaji namun tafsirannya boleh diperluaskan kepada maksud pendapatan gaji.

Jika dilihat dari aspek pengamalannya di Malaysia didapati bahawa tidak ada keseragaman ijтиhad di antara kerajaan negeri dalam memberi fatwa tentang kewajipan zakat pendapatan. Oleh kerana Majlis Agama Islam setiap negeri mempunyai bidang kuasa tersendiri dan berasingan dalam menentukan fatwa maka negeri-negeri di Malaysia didapati mempunyai pendirian yang berbeza di antara satu dengan lain. Sebahagian negeri mewartakan zakat pendapatan gaji sebagai wajib manakala sebahagian negeri lain pula tidak mewartakannya sebagai wajib. Terdapat juga negeri yang masih pasif di dalam memutuskan hal tersebut. Negeri-negeri yang telah mewajibkan zakat pendapatan gaji ialah Selangor, Wilayah dan Melaka manakala negeri yang tidak mewajibkan zakat pendapatan ialah Perak. Negeri yang belum membuat keputusan ialah seperti Terengganu, Kedah dan Perlis.

Oleh kerana status zakat pendapatan yang masih belum disepakati maka keputusan individu mengeluarkan zakat pendapatan bergantung kepada samada ia bersetuju atau tidak tentang kewajipan membayarnya. Walaupun pendirian individu ini serba sedikit dipengaruhi oleh keputusan kerajaan negeri, yang masing-masing mempunyai kewibawaan dalam menentukan wajib atau tidak zakat pendapatan namun alasan ketiadaan jumhur ulama ini menyebabkan ia tidak membayar atau mengelak dari membayar zakat ini. Terdapat juga kes di dalam negeri yang telah mewartakan kewajipan zakat pendapatan tetapi masih ada individu yang tidak membayarnya dan begitulah sebaliknya di dalam negeri yang tidak mewartakan kewajipan zakat pendapatan namun terdapat individu yang tetap membayarnya.

Membayar zakat pendapatan atau tidak membayar zakat pendapatan adalah sangat berkait dengan soal ketaatan. Zakat secara umum merupakan satu ibadat sebagaimana kewajipan ibadat yang lain seperti sembahyang, puasa dan menunaikan haji. Walaupun ia adalah wajib namun masih terdapat individu yang tidak taat melakukannya. Apa lagi dengan ketiadaan fatwa yang mewajibkannya. Didalami melakukan amalan agama faktor ketaatan amat berkait dengan keimanan. Oleh itu ketidaktaatan untuk membayar zakat melambangkan ketidaktaatan melakukan perintah agama dan memberi gambaran bahawa tingkat keimanan yang kurang. Aidit (1998)

menyatakan bahawa untuk mengatasi masalah ketidaktaatan khususnya tidak mahu membayar zakat bukanlah satu perkara mudah kerana ia berkait dengan tahap keimanan dan sikap. Secara praktikalnya ia sukar diukur tetapi membawa kesan kepada keimanan.

Kesan keimanan kepada amalan ini juga ditegaskan oleh Qardawi (1998) yang menyebut bahawa amalan ekonomi berkait dengan faktor keimanan. Tanpa faktor iman amalan ekonomi tidak akan diselaraskan dengan kehendak agama tetapi dilakukan mengikut kehendak sendiri. Abdul Hamid (1998) mendapat bahawa terdapat segolongan individu yang menganggap bayaran cukai menyamai zakat dan beranggapan bahawa sekiranya ia telah membayar cukai maka telah terlepaslah tanggungjawab zakat. Memandangkan cukai dan zakat sememangnya wujud dan kedua-duanya merupakan alat yang pernah digunakan oleh kerajaan Islam maka kedua-dua perkara tersebut perlu dibezakan dan mungkin memerlukan penjelasan lanjut dari segi perlaksanaannya. Kamil, Chek Derashid dan Engku Ismail (1997) pula menunjukkan bahawa sikap dan persepsi mempengaruhi kepatuhan. Persepsi yang positif terhadap zakat akan memberi kesan positif terhadap kepatuhan membayar. Walaupun kajian ini tidak melihat secara langsung faktor keimanan namun persepsi individu terhadap zakat sebenarnya mempunyai hubungan dengan keimanan. Pada umumnya keimanan adalah berkait rapat dengan persepsi, oleh itu persepsi yang positif juga menggambarkan keimanan yang tinggi. Dengan itu persepsi dan keimanan sama-sama mempunyai kesan positif terhadap ketaatan dan membawa natijah yang selari dengan kajian yang lain.

Mohd Ali, Hairunnizam dan Nor Ghani (2003) pula cuba membuktikan tingkat kesedaran membayar zakat pendapatan di kalangan golongan professional. Kajian mendapat peratusan individu professional yang membayar zakat pendapatan didapati relatif kecil dan keimanan serta pengetahuan tentang zakat didapati merupakan faktor penting mempengaruhi kesedaran membayar zakat pendapatan. Hasil kajian juga mendapat terdapat kecenderungan individu untuk membayar zakat bukan kepada pusat zakat tetapi terus kepada asnaf, malahan terdapat juga kecenderungan individu untuk membayar zakat di luar daripada negeri tempat mereka bermastautin. Perlaksanaan sesuatu peraturan lazimnya perlu kepada penguatkuasaan kerana tanpa penguatkuasaan peraturan tidak akan dipatuhi. Kamil (2002) menyatakan bahawa undang-undang dan penguatkuasaan zakat amat perlu untuk menentukan kepatuhan. Di samping memberi kemudahan prasarana untuk membayar zakat, akta zakat perlu diadakan bagi menguatkuasakan peraturan zakat kerana dengan adanya

penguatkuasaan tersebut individu akan bertambah komited untuk membayar zakat. Selain daripada itu faktor kefahaman dan kesedaran tentang zakat melalui pendidikan juga dijangka mempengaruhi ketaatan membayar zakat. Sanep dan Hairunnizam (2005) mendapati bahawa sebahagian besar individu kini bersedia membayar zakat sekalipun pada harta yang *diikhtilaf* wajib zakat. Kesedaran individu tentang kewajipan agama dan tanggungjawab berzakat dijangka berpunca dari wujudnya faktor kefahaman agama yang sedia ada dalam semua aliran sistem pendidikan negara. Keadaan ini dapat dibuktikan apabila individu berpendidikan aliran agama dan bukan agama didapati telah sama-sama memahami kewajipan zakat pendapatan. Zakat telah dianggap sebagai ibadat dalam agama dan bukan lagi satu bebanan.

Jika sekiranya dilihat dari segi prosedur pembayaran iaitu sama ada membayar kepada amil yang dilantik atau pun terus kepada asnaf, kajian mendapati segelintir individu masih cenderung untuk membayar zakat terus kepada asnaf. Sanep, Hairunnizam dan Adnan (2006) dan Sanep (2004) mendapati bahawa faktor merasa puas hati terhadap kecekapan pengurusan pusat zakat khususnya bila agensi ini dapat mengagihkan dana zakat dengan baik merupakan faktor penting yang mempengaruhi kepatuhan membayar zakat kepada institusi formal. Semakin tinggi tingkat kepuasan terhadap agihan didapati semakin tinggi tahap kepatuhan membayar kepada institusi formal. Individu yang merasakan bahawa zakat yang dibayar melalui amil tidak sampai atau lambat sampai kepada golongan sasaran ternyata lebih cenderung untuk membayar zakat terus kepada asnaf yang diketahui. Beberapa kes negatif dan salah laku yang pernah berlaku seperti salah guna wang zakat, pecah amanah, dan pengurusan yang tidak cekap juga merupakan beberapa faktor yang mendorong individu agar lebih cenderung untuk membayar zakat terus kepada asnaf. Oleh itu banyak institusi zakat telah menswastakan kutipan dan agihan zakat untuk memastikan pengurusan zakat yang cekap.

Walau bagaimanapun terdapat kajian yang menunjukkan penswastaan kutipan zakat dapat menambahkan hasil kutipan zakat tetapi penambahan sebenarnya adalah tidak signifikan. Md Zyadi & Mariam (1999) merumuskan bahawa penswastaan kutipan zakat yang telah dilakukan di kebanyakan semua negeri di Semenanjung Malaysia menunjukkan penambahan dalam jumlah hasil kutipan. Keadaan ini dialami oleh seluruh negeri yang melakukan penswastaan kutipan zakat. Namun demikian, kajian tersebut juga menunjukkan bahawa penambahan hasil kutipan tersebut bukanlah semata-mata kesan

daripada penswastaan. Satu kajian lain seperti Nor Ghani, Mariani, Jaafar dan Nahid (2001) telah membuktikan bahawa penswastaan walaupun telah berjaya menambah hasil kutipan tetapi sebenarnya penambahan tersebut tidak signifikan. Peningkatan tidak signifikan tersebut membawa kepada beberapa implikasi iaitu peningkatan hasil kutipan zakat bukan semata-mata berpunca dari dari penswastaan institusi zakat. Ia mungkin berpunca dari faktor lain seperti peningkatan jumlah pembayar zakat dan peningkatan jumlah pendapatan individu hasil daripada peningkatan pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, peningkatan tidak signifikan tersebut juga berkemungkinan menandakan bahawa masih berlaku bocoran wang zakat dari jabatan agama atau institusi kutipan zakat.

#### METODOLOGI

Dalam kajian ini, berbagai metodologi diaplikasikan dalam usaha untuk menghasilkan keputusan yang tepat serta mengikut kerangka teori yang terlibat. Analisis kajian ini adalah kepada individu Islam merangkumi beberapa negeri di Malaysia. Pensampelan dilakukan secara rawak ke atas 2500 individu mengikut negeri di Semenanjung Malaysia. Setiap negeri diwakili oleh bilangan responden yang berbeza yang secara umumnya bergantung kepada saiz penduduk. Analisis regresi logistik digunakan untuk melihat kebarangkalian individu membayar zakat pendapatan atau tidak membayar zakat pendapatan.

Regresi logistik merupakan model tatacara statistik yang amat berguna dalam menganalisis data berkaitan kebarangkalian. Model regresi logistik menerangkan tentang kesan perubahan yang berlaku di dalam pembolehubah bebas. Persamaan model regresi logistik adalah seperti berikut:

$$\text{Log } \frac{\text{Kebarangkalian membayar}}{\text{Kebarangkalian tidak membayar}} = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \dots + \beta_n X_n \quad (1)$$

zakat pendapatan

D1 mana ,  $\beta_0$  = pemalar

$\beta_1, \beta_2, \beta_3, \dots, \beta_n$  = parameter bagi pembolehubah

Ini bermakna logistik koefisien boleh diterangkan sebagai perubahan di dalam bentuk log ‘odds’ akibat daripada perubahan satu unit di dalam pembolehubah bebas. Persamaan (1) di atas boleh dipermudah dengan dinyatakan semula sebagai :-

$$\frac{\text{Kebarangkalian membayar zakat pendapatan}}{\text{Kebarangkalian tidak membayar zakat}} = e^{\beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \dots + \beta_n X_n}$$

(2)

Jika nilai  $\beta_i$  adalah positif maka nilai ‘odds ratio’ akan meningkat jika  $X_i$  meningkat. Tetapi jika  $\beta_i$  bernilai negatif bermakna ‘odds ratio’ adalah menurun jika  $X_i$  menurun. Ujian Wald atau dikenali sebagai ujian F pula digunakan untuk mengkaji kesignifikanan parameter yang teranggar pada darjah kebebasan yang biasanya tidak melebihi 10 peratus. Sekiranya Ujian Wald yang diperoleh menunjukkan parameter yang dianggarkan adalah tidak signifikan, maka pembolehubah penentu itu akan dikatakan tidak penting untuk digunakan sebagai penerangan dalam model tersebut. Model yang cekap akan memberikan nilai  $F^*$  yang lebih besar daripada nilai kritikal  $F$  pada aras keertian  $\alpha$ , darjah kebebasan  $(k-1)$  dan  $(n-k)$  dengan  $n$  ialah bilangan cerapan dan  $k$  ialah bilangan parameter dalam model. Ia dapat ditunjukkan dalam persamaan (3) iaitu:

$$\text{Ujian Wald} = \sim \frac{R^2 / k - 1}{1 - R^2 / n - k} F_{k-1, n-k, \alpha = 5\%} \quad (3)$$

### SPESIFIKASI MODEL

Dalam membentuk model regresi, pembolehubah-pembolehubah bebas yang berhubung dengan pembolehubah bersandar secara teori perlu dimasukkan. Spesifikasi model merangkumi fungsi persamaan model. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini berbentuk dikotomus iaitu sama ada membayar zakat pendapatan atau tidak membayar zakat pendapatan. Memandangkan pembolehubah bersandar berbentuk dikotomus dan pembolehubah bebas yang digunakan kebanyakannya berbentuk dami maka model ini sesuai dianggarkan dengan menggunakan model logit binomial. Model yang dianggarkan secara umumnya adalah seperti berikut :

$$P_i = E(Y = 1/X) = 1/(1 + e^{-z}) \quad (4)$$

Dengan:

$P_i$  adalah kebarangkalian bagi responden yang membayar zakat pendapatan iaitu  $Y = 1$  dan  $Y = 0$  bagi responden yang tidak membayar zakat pendapatan.

Kajian ini akan menggunakan model daripada kajian Sanep & Hairunnizam (2004). Dengan ini, berpandukan kepada persamaan (4), model khusus yang akan dianggarkan dalam kajian ini ialah :

$$L = \ln(P_1 / (1-P_1)) = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 + \beta_8 X_8 + \beta_9 X_9 + \beta_{10} X_{10} + \beta_{11} X_{11} + \beta_{12} X_{12} + \beta_{13} X_{13} \quad (5)$$

Dengan;

L adalah log bagi nisbah ‘odds’ membayar zakat pendapatan

X<sub>1</sub> adalah jantina; = 1 untuk lelaki, 0 untuk wanita

X<sub>2</sub> adalah umur responden

X<sub>3</sub> adalah taraf perkahwinan

X<sub>4</sub> adalah pengetahuan agama; = 1 untuk berpengetahuan agama,

0

untuk tiada berpengetahuan agama

X<sub>5</sub> adalah tahap pendidikan; = 1 untuk berpendidikan tinggi, 0 untuk tidak berpendidikan tinggi

X<sub>6</sub> adalah bekerja; = 1 jika masih bekerja, 0 untuk tidak bekerja

X<sub>7</sub> adalah jenis pekerjaan; = 1 untuk profesional, 0 untuk tidak professional

X<sub>8</sub> adalah jumlah pendapatan bulanan

X<sub>9</sub> adalah bilangan tanggungan

X<sub>10</sub> adalah jumlah perbelanjaan bulanan isi rumah

X<sub>11</sub> adalah tahap pengetahuan harta yang diikhtilaf; = 1 jika mengetahui

harta yang diikhtilaf sepenuhnya, 0 jika tidak mengetahuinya

X<sub>12</sub> adalah dami membayar zakat melalui potongan gaji; = 1 jika membuat potongan gaji, 0 jika tidak membuat potongan gaji

X<sub>13</sub> adalah dami kepuasan agihan zakat; = 1 jika berpuas hati, 0 jika tidak berpuas hati

Pembolehubah bersandar adalah bernilai 1 jika responden menyatakan membayar zakat pendapatan dan memberi nilai 0 jika responden tidak membayar zakat pendapatan. Kesemua pembolehubah dalam persamaan (5) diuji untuk menentukan manakah pembolehubah yang signifikan mempengaruhi kesedaran membayar zakat pendapatan.

## HASIL KAJIAN

Kajian menunjukkan majoriti responden tidak membayar zakat pendapatan iaitu seramai 1846 orang (71.3%) berbanding mereka yang membayar seramai 742 orang (28.7%). Walaupun kajian ini seperti yang dijangka menunjukkan masih ramai orang Islam tidak membayar zakat pendapatan, namun matlamat asas kajian sebenarnya ialah untuk menguji faktor-faktor yang menyumbang kepada pembayaran zakat pendapatan di Malaysia. Ini secara tidak langsung dapat memberi satu

maklumat yang berguna kepada pembuat dasar terutamanya institusi zakat dalam menarik lebih ramai orang Islam membayar zakat pendapatan.

JADUAL 2. Kekerapan Membayar Zakat Pendapatan

	Kekerapan	Peratusan
Bayar Zakat Pendapatan	742	28.7
Tidak Membayar Zakat Pendapatan	1846	71.3
Jumlah	2588	100.0

Nota . Jadual Klasifikasi benar Regresi Logistik (%)  
 Bayar Zakat Pendapatan = 31.5%; Tidak Bayar = 93.9%; Keseluruhan = 74.2%

JADUAL 2 adalah hasil regresi berdasarkan persamaan 5. Model ini berjaya meramalkan dengan baik iaitu sebanyak 74.2% dan implikasinya model ini boleh diterima dalam kajian. Berdasarkan JADUAL 3, terdapat enam pembolehubah yang signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan, iaitu jantina, umur, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, pendapatan dan akhirnya pembayaran zakat melalui potongan gaji. Apa yang jelas di sini ialah pihak institusi zakat perlu menekankan tiga faktor utama yang menyumbangkan kepada peningkatan pembayaran zakat pendapatan iaitu umur, pendapatan dan pembayaran melalui potongan gaji. Ini adalah kerana ketiga-tiga pembolehubah ini signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan pada aras keertian 1%. Bagi pembolehubah pendapatan dan umur, satu unit kenaikan dalam pendapatan akan menyebabkan kebarangkalian pembayaran zakat pendapatan meningkat masing-masing adalah 40.9% dan 21.2%. Manakala bagi pembolehubah potongan gaji, log nisbah odds adalah 1.944 atau antilog bernilai 6.985. Ini menunjukkan satu kesan yang besar sekiranya responden membuat pembayaran zakat melalui potongan gaji.

Bagi pembolehubah lain seperti jantina, taraf perkahwinan dan pendidikan, masing-masing adalah signifikan pada aras keertian 10% dan 5%. Nilai log nisbah odds masing-masing adalah -0.176, 0.353 dan 0.239. Namun begitu pembolehubah jantina berhubungan secara negatif dengan pembayaran zakat. Ini menunjukkan kebarangkalian membayar zakat pendapatan adalah terdiri daripada golongan wanita

yang bekerja. Hasil kajian ini juga menunjukkan pembolehubah yang dijangkakan memberi kesan positif kepada pembayaran zakat pendapatan seperti pengetahuan agama dan pengetahuan zakat *ikhtilaf* didapati tidak signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan. Begitu juga dengan persepsi pembayar zakat terhadap institusi zakat dalam mengagihkan zakat juga tidak signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan. Walau bagaimanapun ketiga-tiga pembolehubah ini masih berhubungan secara positif dengan pembayaran zakat pendapatan.

JADUAL 3. Hasil Keputusan Regresi Logistik Binomial<sup>1</sup>

Pembolehubah Bebas	Koefisien (B)	Exp Koefisien (B)	Statistik Wald
Konstan	-2.698***	0.067	91.696
Jantina	-0.176*	0.839	2.728
Umur	0.192***	1.212	9.219
Taraf Perkahwinan	0.353**	1.424	4.807
Pengetahuan Agama	0.098	1.103	0.484
Pendidikan	0.239**	1.270	3.829
Bekerja	0.078	1.081	0.134
Profesional	0.046	1.047	0.156
Pendapatan	0.343***	1.409	35.172
Bil. Tanggungan	-0.097	0.908	1.723
Perbelanjaan	0.023	1.023	0.197
Pengetahuan harta ikhtilaf	0.115	1.122	1.263
Potongan gaji	1.944***	6.985	132.007
Puas Hati Agihan Zakat	0.093	1.098	0.803

Nota:

<sup>1</sup> Pembolehubah bersandar adalah samada membayar zakat pendapatan atau tidak bayar

\*\*\*Signifikan pada aras keertian 1%

\*\* Signifikan pada aras keertian 5%

\* Signifikan pada aras keertian 10%

### IMPLIKASI DASAR

Kajian ini menimbulkan beberapa implikasi penting iaitu pertamanya kebarangkalian meningkatnya kesedaran membayar zakat pendapatan adalah bergantung kepada enam pembolehubah yang signifikan sahaja. Pertamanya pembolehubah pembayaran zakat melalui potongan gaji. Kajian ini menunjukkan pembolehubah tersebut amat signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan. Ini menunjukkan semakin mudah mekanisme untuk umat Islam membayar zakat,

semakin tinggi kutipan zakat terutamanya zakat pendapatan. Pihak institusi zakat perlu meningkatkan lagi kerjasama dengan para majikan untuk memudahkan pekerja mereka membayar zakat melalui potongan gaji. Contohnya di Selangor telah melaksanakan skim Berkat dalam menggalakkan bayaran zakat pendapatan melalui potongan gaji. Mereka yang membayar zakat pendapatan pula akan mendapat rebat membayar cukai pendapatan. Ini secara tidak langsung meningkatkan lagi minat masyarakat Islam membayar zakat pendapatan.

Pihak institusi zakat perlu meningkatkan lagi kefahaman masyarakat Islam di Malaysia melalui pelbagai cara termasuklah penerangan, ceramah, kempen dan sebagainya. Kajian ini mendapati faktor demografi iaitu jantina, umur, taraf perkahwinan, pendapatan dan pendidikan adalah signifikan mempengaruhi kesedaran membayar zakat pendapatan. Peningkatan umur yang setelah berkahwin dilihat selari dengan pendapatan yang semakin tinggi menunjukkan semakin tinggi kesedaran membayar zakat. Maka kempen penerangan tersebut perlulah disasarkan khususnya kepada golongan muda yang belum berkahwin dan mereka yang berpendapatan agak rendah. Kumpulan ini dirasakan masih kurang kesedaran membayar zakat tetapi berpotensi untuk menjadi pembayar zakat pendapatan pada masa hadapan.

Tahap pendapatan juga mempengaruhi secara signifikan pembayaran zakat. Kajian ini menyokong kajian Zyadi & Mariani (1999) serta Nor Ghani *et al.* (2001) yang menunjukkan faktor pendapatan amat penting dalam mempengaruhi pembayaran zakat. Semakin tinggi pendapatan semakin tinggi kebarangkalian individu membayar zakat memandangkan pendapatan yang tinggi akan mencukupkan syarat cukup nisab zakat. Ini dapat dilihat di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan yang merupakan antara negeri maju di Malaysia yang sentiasa memperoleh jumlah kutipan zakat yang tinggi setiap tahun. Pada tahun 2004 sahaja kutipan zakat pendapatan di negeri-negeri ini masing-masing adalah RM52.05 juta dan RM63.74 juta. Oleh itu negeri yang mempunyai tahap ekonomi yang tinggi sepatutnya boleh memperoleh jumlah kutipan zakat yang tinggi. Sekiranya terdapat sebarang negeri yang berpendapatan tinggi tetapi kutipan zakatnya masih rendah berbanding negeri lain maka ini bermakna bahawa hasil kutipan zakat di negeri tersebut masih kurang berkesan. Pihak berwajib di negeri tersebut perlu berbuat sesuatu untuk meningkatkan hasil kutipan zakat mereka.

Walau bagaimanapun kajian ini mendapati persepsi masyarakat Islam terhadap agihan zakat oleh institusi zakat tidak memberi kesan yang signifikan terhadap pembayaran zakat pendapatan seperti kajian

yang telah dilakukan oleh Sanep dan Hairunnizam (2004). Ini berkemungkinan disebabkan mereka yang membayar zakat pendapatan membayar zakat secara terus melalui potongan gaji yang diuruskan oleh pihak majikan dan mereka sebenarnya tidak berurusan secara langsung dengan institusi zakat. Oleh itu mereka berkemungkinan tidak menghiraukan secara serius pengagihan zakat tetapi lebih berminat kepada rebat cukai pendapatan yang bakal mereka terima setiap tahun. Berbanding dengan pembayaran zakat harta yang lain, pembayar zakat akan membayar zakat secara terus kepada institusi zakat dan sejauh mana mereka sanggup membayar zakat amat bergantung kepada peranan institusi zakat mengagihkan zakat tersebut.

### KESIMPULAN

Peningkatan kesedaran membayar zakat pendapatan adalah penting. Walaupun pendapatan individu diklasifikasikan dalam fiqh sebagai harta yang *diikhtilaf* dikenakan zakat, namun di Malaysia fatwa wajib zakat pendapatan wujud dengan perwartaan fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada tahun 1997. Walaupun begitu hanya negeri Perak yang kekal tidak mewajibkan zakat pendapatan. Walau bagaimanapun perlu difahami di sini bahawa zakat pendapatan mempunyai banyak faedah sosio ekonomi sama seperti tujuan zakat yang lain. Maka semakin banyak kutipan zakat, semakin banyaklah wang dapat diagihkan dan dapat membantu asnaf terutamanya asnaf fakir dan miskin dalam kehidupan mereka. Kutipan zakat yang banyak di negeri –negeri tertentu adalah sebenarnya banyak disumbangkan oleh kutipan zakat pendapatan. Peningkatan ini akhirnya akan dapat mewujudkan satu masyarakat yang saling mengambil berat antara satu sama lain terutamanya kepada isi rumah Muslim yang mengalami kemiskinan tegar dapat dihapuskan secara beransur-ansur.

### RUJUKAN

- Abdul Hamid Mohd Hassan. 1998. Antara zakat dan cukai pendapatan: Satu analisis penyelarasan. Kertas Kerja dibentang dalam Seminar Zakat dan Cukai Pendapatan di Pusat Matrikulasi USM.
- Audit, Ghazali. 1998. *Zakat- satu tinjauan*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd.
- Kamil Md Idris, Chek Derashid dan Engku Ismail. 1997. Zakat penggajian: Suatu tinjauan terhadap pengetahuan dan amalan Muslimin Negeri Perlis. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Penyelidikan Universiti, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

- Kamil Md. Idris.2002. Kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. Kertas kerja dibentangkan di Muzakarah Pakar Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Md Zyadi Tahir & Mariam Majid. 1999. Prestasi kutipan dan agihan zakat di Malaysia. Dlm Pancasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia, hlm. 293-306. Bangi: Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ali Mohd Noor, Hairunnizam Wahid dan Nor Ghani Md Nor. 2004. Kesedaran membayar zakat pendapatan di kalangan kakitangan profesional Universiti Kebangsaan Malaysia. *Islamiyat*. Jil. 26 No. 2 (2004): 59-68.
- Mujaimi Tarimin 1995. Zakat Pengajian: Satu Penilaian Terbaru di Malaysia. Thesis Ph.D Universiti Malaya.
- Nor Ghani Md Nor, Mariam Majid, Jaafar Ahmad dan Nahid Ismail. 2001. Can privatization improve performance ? Evidence from zakat collection institutions. Kertas kerja dibentangkan di Bengkel Ekonomi Islam. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan. 2003. Laporan Zakat Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan
- Qardawi, Yusof. 1998. *Peranan nilai dan akhlak dalam ekonomi Islam*. (terj). Kuala Lumpur. Metacorp Bhd.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2005. Sumber Zakat: Perluasan Terhadap Harta Yang Diikhtilaf, *Jurnal Syariah*. Jil.13 No.1 (2005): 135-162.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. 2006 .Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies*. Vol. 13 No. 2 (2006): 175-196.
- Sanep Ahmad. 2004. Kepatuhan bayaran zakat kepada institusi formal kutipan zakat. Laporan teknik projek penyelidikan EP-003-2004, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hairunnizam Wahid  
 Prof. Madya Dr. Sanep Ahmad  
 Mohd Ali Mohd Noor  
 Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Perniagaan,  
 Universiti Kebangsaan Malaysia,  
 43600 Bangi, Selangor  
 hairun@pkriscc.ukm.my  
 nep@pkriscc.ukm.my  
 ali@pkriscc.ukm.my